

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
25 JANUARI 2017**

---

**1. FOKUS MPSP 2017**

Pada tahun 2017, sebanyak 9 fokus utama yang telah digubal bersama ahli majlis dan melalui penglibatan komuniti dalam sesi Town Hall Bajet Dialog. Fokus MPSP 2017 ini telah dilancarkan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng pada 6 Januari 2017. 9 fokus tersebut adalah:

1. Kebersihan
2. Keselamatan & Lalulintas
3. Penguatkuasaan
4. Kawalan Banjir
5. Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam
6. Penglibatan Komuniti
7. Pembinaan Kapasiti
8. Pengukuhan Fiskal
9. Kecekapan Proses Kerja

Fokus MPSP 2017 ini merupakan kesinambungan dari Fokus MPSP 2016. Sebanyak 97 program dan 151 aktiviti dan 155 KPI telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun ini. Saya berharap semua Ahli Majlis, warga MPSP dan juga penduduk-penduduk di Seberang Perai akan memberi komitmen yang padu untuk melaksanakan fokus ini bagi mencapai *Cleaner, Greener, Safer, Healthier and Happier* Seberang Perai.

## 2. LANJUTAN WAKTU OPERASI PERKHIDMATAN KAUNTER BERPUSAT

Dimaklumkan bahawa Kaunter Berpusat, MPSP akan melanjutkan waktu operasi perkhidmatan kaunter sehingga jam 8.30 malam pada 28 Februari 2017 (Selasa).

| TARIKH / HARI  | WAKTU OPERASI   | TEMPAT  |
|--|---|---|
| <b>28 - 30<br/>JANUARI<br/>2017<br/>(SABTU-<br/>ISNIN)</b> | <b>Kaunter ditutup sempena<br/>sambutan Tahun Baru<br/>Cina</b> | Kaunter Berpusat,<br>Ibu Pejabat MPSP<br>Bandar Perda |
| <b>28<br/>FEBRUARI<br/>2017<br/>(SELASA)</b>               | <b>7.30 PAGI – 8.30 MALAM</b><br>(Waktu operasi dilanjutkan)    | Kaunter Berpusat,<br>Ibu Pejabat MPSP<br>Bandar Perda |

Lanjutan tempoh operasi kaunter ini adalah untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan dan stakeholders membuat bayaran cukai taksiran setengah tahun pertama 2017 untuk semua jenis pegangan harta berkadar seluruh Seberang Perai dan bayaran lain-lain perkhidmatan MPSP.

### **3. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU DAN CABUTAN BERTUAH TAHUN 2017**

Sukacitanya di sini saya memaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu MPSP Tahun 2017 bermula pada 1 Disember 2016 dan akan tamat pada 28 Februari 2017.

Pembayar cukai taksiran yang masih belum membuat bayaran dan ingin menyertai cabutan bertuah boleh membuat bayaran dengan segera di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Jawi. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah-hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790 / 891** atau e-mail di [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

#### **4. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-21 pada 5 Februari 2017 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah senamrobik, persembahan kompang, persembahan kombo MPSP, gerai jualan, *massage knife*, kaunter bayaran bergerak, jualan e-Waste dan banyak lagi aktiviti menarik. Datanglah beramai-ramai untuk memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai.

## **5. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 5 Februari 2017 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan akan diadakan pada 19 Februari 2017 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 26 Februari 2017 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **6. SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU CINA 2017**

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada semua masyarakat Tionghua di Pulau Pinang yang akan disambut pada hari 28 & 29 Januari 2017 iaitu Sabtu dan Ahad. Justeru, hari Isnin adalah hari cuti gantian bagi seluruh Negeri Pulau Pinang.

## **7. SELAMAT MENYAMBUT HARI THAIPUSAM**

Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam kepada semua penganut Agama Hindu yang bakal meraikannya pada 9 Februari 2017 (Khamis) dan hari tersebut merupakan Hari Cuti Umum bagi Negeri Pulau Pinang.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**